

Tatacara Penggunaan Peralatan ICT

Penyelenggaraan Komputer, Domain dan Instalasi

1. Bagi jabatan / unit yang ingin membuat laporan kerosakan komputer atau peralatan ICT, perlu mengisi Borang Laporan Kerosakan Komputer untuk tindakan selanjutnya oleh Juruteknik Komputer.
2. Tugas mendaftar *username* hanya boleh dilakukan oleh Pegawai di Unit Sistem Maklumat PKT sahaja.
3. Pendaftaran dan penggunaan *username* hanya untuk Staf PKT sahaja.
4. Pengurusan katalaluan administrator bagi setiap komputer peribadi, komputer makmal dan komputer riba di PKT di bawah pengendalian Unit Sistem Maklumat PKT.
5. Sebarang instalasi perisian yang tidak berlesen tidak dibenarkan sama sekali di semua komputer / komputer riba di PKT.

Penyelenggaraan dan Penggunaan Rangkaian

1. Semua peralatan rangkaian adalah di bawah pengendalian Unit Sistem Maklumat PKT.
2. Sebarang perubahan lokasi peralatan ICT perlu dimaklumkan kepada Unit Sistem Maklumat PKT.
3. Sebarang penyambungan rangkaian tambahan perlu merujuk kepada Unit Sistem Maklumat PKT untuk tindakan selanjutnya.
4. Semua pengguna yang menggunakan komputer / komputer riba peribadi wajib dilengkapi dengan perisian antivirus sebelum memasuki rangkaian PKT.

Penggunaan wireless (pelajar dan pensyarah)

1. Penggunaan wireless dikategorikan kepada dua capaian berasingan iaitu capaian staf dan pelajar.

2. Pengguna harus mendaftar terlebih dahulu untuk mendapatkan nama pengguna (*username*) dan katalaluan (*password*) di Unit Sistem Maklumat PKT.

Pengguna Laman Web Rasmi dan Hosting

1. Semua laman web yang dimuat naik melalui laman web rasmi pkt.edu.my perlu melalui kelulusan Unit Sistem Maklumat PKT.
2. Sebarang iklan atau pautan yang bukan untuk kepentingan organisasi adalah di larang sama sekali.

Penggunaan mel Elektronik (Email Rasmi)

1. Setiap staf PKT mempunyai email rasmi yang didaftarkan di bawah domain pkt.edu.my.
2. Penghantaran email urusan rasmi hendaklah menggunakan akaun email rasmi.
3. Pemilikan akaun email rasmi bukanlah hak mutlak seseorang. Ia adalah kemudahan yang tertakluk kepada peraturan jabatan dan boleh ditarik balik jika penggunaanya melanggar peraturan.
4. Pengguna perlu memastikan setiap fail yang dimuat turun bebas dari virus sebelum digunakan.
5. Pengguna adalah dilarang daripada melakukan sebarang aktiviti yang melanggar tatacara penggunaan email rasmi Kerajaan seperti:
 - a) Menggunakan akaun milik orang lain; berkongsi akaun atau memberi akaun kepada orang lain;
 - b) Menggunakan identity palsu atau menyamar sebagai penghantar maklumat yang sah;
 - c) Menggunakan email untuk tujuan komersial atau politik;
 - d) Menghantar dan memiliki bahan-bahan yang salah di sisi undang-undang seperti bahan lucah, perjudian dan jenayah;
 - e) Menghantar dan melibatkan diri dalam email yang berunsur hasutan, email sampah, email bom, email spam, fitnah, ciplak atau

aktiviti-aktiviti lain yang ditegah oleh undang-undang Kerajaan Malaysia;

- f) Menyebarluaskan kod perosak seperti virus, worm, trojan horse dan trap door yang boleh merosakkan sistem komputer seseorang pengguna lain;
- g) Membenarkan pihak ketiga untuk menjawab email kepada penghantar asal bagi pihaknya.

Penggunaan internet

Staff PKT adalah dilarang daripada melakukan sebarang aktiviti yang melanggar tatacara penggunaan internet seperti:

1. Memuat naik, memuat turun, meyimpan dan menggunakan perisian tidak berlesen;
2. Menyedia dan menghantar maklumat berulang-ulang berupa gangguan.
3. Menyedia, memuat naik, memuat turun dan menyimpan material, teks ucapan, imej atau bahan-bahan yang mengandungi unsur-unsur lucah;
4. Menyedia, memuat naik, memuat turun dan menyimpan maklumat internet yang melibatkan sebarang pernyataan fitnah atau hasutan yang boleh memburuk dan menjatuhkan imej organisasi dan kerajaan;
5. Memuat naik, memuat turun dan menyimpan gambar atau teks yang bercorak penentangan yang boleh membawa keadaan huru-hara dan menakutkan pengguna yang lain;
6. Memuat turun, menyimpan dan menggunakan perisian berbentuk hiburan atas talian seperti permainan elektronik, video dan lagu;
7. Menjalankan aktiviti-aktiviti komersial dan politik;
8. Melakukan aktiviti jenayah seperti menyebarluaskan bahan yang membabitkan perjudian, senjata dan aktiviti pengganas;
9. Menggunakan kemudahan modem peribadi untuk capaian terus ke internet.

